

Riza Saffiyah Rithuan pelajar terbaik PT3 SMK Pantai


LABUAN: Riza Saffiya Rithuan muncul pelajar terbaik Pentaksiran Tingkatan 3 (PT3) SMK Pantai bagi tahun 2016.

Dia yang juga anak kepada pasangan Haji Rithuan Mohd Ismail dan Hajah Mirani Majidi itu memperolehi keputusan 10A dalam semua mata pelajaran yang diambilnya.

Pengetua SMK Pantai Sahar Mison berkata kejayaan Riza Saffiyah itu merupakan satu sejarah buat sekolah itu yang telah menerima pengiktirafan sebagai IB World School.

Katanya tiga lagi pelajar iaitu Andre Iskandar Mohd Amir, Nurul Aqilatul A'Aliyah Abdul Kahar dan Nurul Izzati Ahmad Suhaidi mendapat 9A.

Beliau berkata secara keseluruhannya, terdapat peningkatan ketara dalam PT3 iaitu daripada 47.06 peratus pada tahun lalu kepada 49.41



RIZA Saffiyah (dua kiri) menerima slip keputusan PT3 daripada Sahar diperhatikan Rithuan (kanan) dan Mirani.


peratus pada tahun ini.

"Saya ucapkan tahniah kepada semua 170 calon yang menduduki PT3 pada tahun

ini. Terima kasih kepada semua guru yang mengajar pelajar Tingkatan Tiga pada tahun ini. Semoga keputusan

lebih baik dapat dicapai pada tahun hadapan," katanya.

Pada PT3 2016, seorang pelajar mendapat 8A, 7A (6



RIZA Saffiyah (dua kiri) bersama kedua ibu bapanya selepas menerima keputusan PT3 di SMK Pantai, Isnin lalu.

orang), 6A (1), 5A (6) dan 4A (9).

Sementara itu, Riza Saffiyah mengucapkan terima kasih kepada guru-gurunya yang banyak membantunya memperolehi keputusan cemerlang itu.

"Tidak lupa ucapan penghargaan saya tujukan kepada kedua ibu bapa dan ahli keluarga yang sentiasa menyokong dan memberikan motivasi sehingga saya mampu mendapat keputusan 10A

dalam PT3 pada tahun ini," katanya.

Sahar berharap keputusan cemerlang dalam PT3 itu akan diteruskan pada masa hadapan khususnya dalam peperiksaan SPM pada 2018.